Melalui RMKe-11 (2015) sektor pembuatan diterajui oleh tiga subsektor pembuatan iaitu kimia, elektrik dan elektronik dan mesin dan peralatan serta industri yang dianggap mempunyai potensi yang tinggi iaitu seperti peranti perubatan dan aeroangkasa. Sektor pembuatan ini dijangka berkembang pada kadar 5.1% setahun. Menjelang tahun 2020, pertumbuhan bagi sektor pembuatan dijangka sebanyak 22.1% kepada KDNK serta 18.2% kepada jumlah guna tenaga. Bagi memperkukuhkan lagi



sektor pembuatan ini, terdapat lima strategi yang telah dikenal pasti bagi memacu pertumbuhan di dalam sektor pembuatan. Antaranya adalah seperti berikut:

- Strategi 1: Mengeluarkan produk yang lebih kompleks
- Strategi 2: Meningkatkan produktiviti melalui automasi
- Strategi 3: Menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi
- Strategi 4: Memperkukuh pemboleh pertumbuhan melalui akses
- Strategi 5: Melonjakkan pengantarabangsaan.

Jadual 1.3 menunjukkan perangkaan utama sektor pembuatan bagi bulan Mac 2018 dan Mac 2019. Di dalam perangkaan utama sektor pembuatan menunjukkan bahawa bilangan pekerja pada Mac 2018 adalah sebanyak 1,068,116 orang dan bilangan pekerja pada Mac 2019 adalah sebanyak 1,087,760 orang. Peningkatan bagi bilangan pekerja yang bekerja di sektor pembuatan adalah sebanyak 19,644 orang atau 1.8% untuk tempoh setahun. Justeru itu, menunjukkan sektor pembuatan merupakan sektor yang memberi ruang dan peluang kerjaya yang tinggi kepada tenaga buruh.

Jadual 1.3

Perangkaan Utama Sektor Pembuatan, Mac 2018 dan Mac 2019.

Perkara	Tahun		Perubahan
	Mac 2018	Mac 2019	
Nilai Jualan	RM68.5 Bilion	RM72.4 Bilion	RM3.9 Bilion
Bilangan Pekerja	1,068,116 Orang	1,087,760 Orang	19,644 Orang
Gaji & Upah	RM3,863,400	RM4,060,500	RM197,500
Nilai Jualan Per Pekerja	RM64,103	RM66,539	RM2,436

Sumber: (Jabatan Perangkaan Malaysia 2018; 2019).

Jadual 1.4 menunjukkan statistik utama tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2017 yang mencatatkan sebanyak 15 juta dan berlaku peningkatan pada tahun 2018 kepada 15.3 juta. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2016, 2017 dan 2018, jumlah tenaga buruh di Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun. Dengan berlakunya peningkatan tenaga buruh di Malaysia ini dapat memastikan bahawa bekalan tenaga buruh sentiasa mencukupi agar daya pengeluaran negara sentiasa meningkat.

Jadual 1.4

Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia, 2016, 2017 dan 2018

Perkara	Tahun		
	2016	2017	2018
Tenaga Buruh	14,700,000	15,000,000	15,300,000
Penduduk Bekerja	14,200,000	14,500,000	14,800,000
Penganggur	504,100	502,600	504,300
Luar Tenaga Buruh	7,000,000	7,100,000	7,100,000
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	67.7%	68.0%	68.3%
Kadar Pengangguran	3.4%	3.4%	3.3%

Sumber: (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016; 2017; 2018)

Manakala berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), Jadual 1.5 menunjukkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita mencatatkan sebanyak 55.2% iaitu menunjukkan perbezaan sebanyak 25.2% berbanding dengan kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan lelaki sebanyak 80.4%. Ini menunjukkan penyertaan golongan wanita di dalam pekerjaan adalah rendah.

Jadual 1.5

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Mengikut Jantina, 2016, 2017 dan 2018

Perkara	2016		Tahun 2017		2018	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Jantina Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Jumlah	80.2%	54.3%	80.1%	54.7%	80.4%	55.2%
	67.7%		68.0%		68.3%	

Sumber: (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016; 2017; 2018)

Menurut Noor Rahamah (2012) tebalnya pandangan tradisi masyarakat yang menganggap wanita hanya sesuai menguruskan rumahtangga dan tanggapan negatif majikan yang melihat terutamanya wanita yang berkahwin dan bekerja lazimnya akan bercuti. Selain itu, terdapat golongan wanita yang turut menghadapi masalah di tempat kerja seperti prosedur kenaikan pangkat yang tidak adil, pemberian gaji yang tidak sama rata bagi kerja yang sama dilakukan, golongan wanita juga tiada peluang untuk mengikuti latihan atau kursus yang berkaitan dengan tugas mereka dan rakan sekerja sesama jantina juga tidak menunjukkan hubungan yang baik di tempat kerja (Noor Rahamah, 2012).

Selain itu, menurut Afroza, Shamima, dan Tasnuza (2010) masalah diskriminasi jantina juga sering berlaku di dalam kebanyakan organisasi di tempat kerja yang menyebelahi kepada pekerja lelaki berbanding pekerja wanita. Hal ini jelas menunjukkan bahawa proses pembayaran gaji yang lebih tinggi dibayar kepada pekerja lelaki berbanding dengan pekerja wanita. Hasil dapatan yang dijalankan oleh Afroza et al. (2010) menunjukkan sebanyak 70% pekerja wanita di dalam kajian



ini menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap bayaran gaji tidak sama dengan pekerja lelaki. Sebaliknya, pekerja wanita sering menunjukkan prestasi yang cemerlang di tempat kerja berbanding dengan pekerja lelaki, namun ia tidak memberi kesan kepada pihak organisasi untuk memandangkan usaha yang telah dilakukan oleh pekerja wanita tersebut. Hal ini seterusnya menyebabkan gejala diskriminasi jantina di tempat kerja terutamanya bagi pekerja wanita terus menjadi masalah di semua sektor ekonomi negara.

Masalah diskriminasi di tempat kerja perlu dibendung agar ia dapat memberi peluang yang sama rata bagi golongan wanita untuk bekerja. Menurut Sangar (2014) akses kepada pendidikan tinggi telah membuka ruang dan peluang kepada tenaga kerja bagi golongan wanita dalam bidang pekerjaan dan ia turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara India. Namun begitu, penglibatan golongan wanita di dalam sektor pekerjaan tidak memberangsangkan. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah kekurangan penglibatan wanita bekerja ini, jurang antara pihak pendidikan tinggi dan bidang pekerjaan bagi golongan wanita ini perlu diselesaikan untuk masa hadapan.

Di samping itu juga, golongan wanita yang bekerja di negara Oman berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah dari segi perspektif dasar yang dikenakan kepada golongan wanita bekerja ini. Secara umumnya, pihak pengurusan syarikat di negara Oman lebih menyukai dan sangat teruja dengan golongan pekerja wanita. Namun begitu, pihak majikan tersebut dapat mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi oleh golongan wanita bekerja ini. Antaranya adalah sikap golongan





wanita di tempat kerja, cabaran bagi wanita yang bekerja selepas berkahwin, halangan terhadap sosio budaya, kesediaan pihak pengurusan syarikat dan tadbir urus dan isu-isu keseimbangan kerja yang dihadapi oleh golongan wanita bekerja (Rakesh & Shweta, 2017). Bagi mengatasi masalah ini, sejumlah besar pekerja wanita di negara Oman menyertai pekerjaan di sektor kerajaan, namun begitu golongan wanita ini beralih arah dengan menyertai pekerjaan di sektor swasta kerana sektor swasta dapat melindungi dan menjaga kebajikan pekerja wanita ini (Rakesh & Shweta, 2017).

Menurut Doris dan Kaw (2011) cabaran yang dihadapi oleh pekerja wanita dalam pembahagian masa fleksibel mengenai pengambilan cuti serta bentuk kerja fleksibel. Manakala masalah yang dihadapi oleh golongan wanita bekerja adalah diskriminasi upah dan jantina, masalah pengangkutan, keprihatinan daripada pihak majikan dan sebagainya. Di samping itu, menurut Jorah (2012) berdasarkan laporan statistik pada tahun 2012, seramai 67.1% wanita tidak menyertai sektor pekerjaan adalah dengan memberi alasan keluarga dan menyambung pengajian. Namun begitu, alasan utama yang dikenalpasti adalah disebabkan oleh faktor majikan yang tidak memahami kepentingan sumbangan wanita terhadap organisasi dan keuntungan kepada syarikat.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan aspirasi kerjaya dan kepuasan pekerjaan terhadap perkembangan kerjaya wanita khususnya di dalam bidang teknikal di sektor pembuatan. Ini kerana setiap wanita mempunyai kelebihan yang tersendiri dan perlu diberi peluang yang sama seperti lelaki untuk berjaya di dalam apa jua bidang pekerjaan selaras dengan hasrat hala tuju Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu meningkatkan kecekapan pasaran buruh





sebagai salah satu komponen penting dalam pembangunan modal insan bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara maju.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan dapatan kajian lepas, penyertaan bagi golongan wanita yang bekerja dalam pasaran tenaga kerja semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Golongan wanita juga tidak terlepas dalam memberikan sumbangan kepada KDNK negara terutamanya di dalam sektor pembuatan ini. Kemampuan golongan wanita yang bekerja pada zaman sekarang sudah mampu untuk menyaingi golongan pekerja lelaki terutamanya dalam bidang teknikal seperti memegang jawatan jurutera, juruteknik dan penyelia di tempat kerja. Namun begitu, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa golongan wanita yang bekerja di sektor pembuatan masih lagi dilihat tidak begitu kukuh dan tidak mampu bertahan lama di dalam sesebuah organisasi syarikat tersebut. Mereka berdepan dengan pelbagai masalah yang dihadapi sama ada di tempat kerja mahupun di rumah (Rakesh & Shweta, 2017; Noor Rahamah, 2012; Afroza et al., 2010; Doris & Kaw, 2011).

Berdasarkan kajian oleh Noor Rahamah (2012) tebalnya pandangan tradisi masyarakat tempatan yang beranggapan bahawa golongan wanita hanya sesuai menguruskan rumahtangga sahaja. Malah tanggapan negatif daripada pihak majikan turut melihatkan bahawa golongan wanita yang sudah berkahwin akan cenderung untuk bercuti. Kajian ini juga melihat secara lebih mendalam mengenai aspirasi kerjaya, kepuasan pekerjaan dan perkembangan kerjaya golongan wanita khasnya





golongan wanita yang bekerja di dalam bidang teknikal di sektor pembuatan. Sehubungan dengan itu, melihat kepada senario sebegini, penyelidik ingin mengkaji mengenai perkembangan dan cabaran golongan wanita yang dihadapi oleh mereka di dalam industri pembuatan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Menenal pasti tahap aspirasi kerjaya dalam kalangan wanita terhadap bidang pekerjaan teknikal.
- ii. Menentukan tahap kepuasan pekerjaan dalam kalangan wanita terhadap bidang pekerjaan teknikal.
- iii. Menentukan tahap perkembangan kerjaya dalam kalangan wanita terhadap bidang pekerjaan teknikal.
- iv. Mengkaji hubungan antara aspirasi kerjaya dengan perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.
- v. Mengkaji pengaruh antara aspirasi kerjaya terhadap perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.
- vi. Mengkaji hubungan antara kepuasan pekerjaan dengan perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.
- vii. Mengkaji pengaruh antara kepuasan pekerjaan terhadap perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.





1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, berikut merupakan persoalan kajian yang dikaji:

- i. Apakah tahap aspirasi kerjaya dalam kalangan wanita terhadap bidang pekerjaan yang diceburi?
- ii. Apakah tahap kepuasan pekerjaan dalam kalangan wanita terhadap bidang pekerjaan teknikal?
- iii. Apakah tahap perkembangan kerjaya dalam kalangan wanita terhadap bidang pekerjaan teknikal?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara aspirasi kerjaya dengan perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal?
- v. Adakah terdapat pengaruh di antara aspirasi kepimpinan, aspirasi pencapaian dan aspirasi pendidikan terhadap perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara kepuasan pekerjaan dengan perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal?
- vii. Adakah terdapat pengaruh di antara persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli terhadap perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal?





1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian yang dinyatakan, sebanyak tujuh Hipotesis nul, H_0 telah dibina seperti berikut:

Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 4

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspirasi kerjaya dengan perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 5

H_{02} : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara aspirasi kepimpinan, aspirasi pencapaian dan aspirasi pendidikan terhadap peluang pembangunan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

H_{03} : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara aspirasi kepimpinan, aspirasi pencapaian dan aspirasi pendidikan terhadap sokongan pihak syarikat kepada wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

H_{04} : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara aspirasi kepimpinan, aspirasi pencapaian dan aspirasi pendidikan terhadap jaminan kerja wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

H_{05} : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara aspirasi kepimpinan, aspirasi pencapaian dan aspirasi pendidikan terhadap prestasi kerja wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.





Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 6

H₀₆: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan pekerjaan dengan perkembangan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 7

H₀₇: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli terhadap peluang pembangunan kerjaya wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

H₀₈: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli terhadap sokongan pihak syarikat kepada wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.



H₀₉: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli terhadap jaminan kerja wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.

H₁₀: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli terhadap prestasi kerja wanita dalam bidang pekerjaan teknikal.





1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini dibentuk melalui beberapa rujukan daripada kajian-kajian lepas bertujuan untuk mengkaji kesignifikan perkembangan dan cabaran wanita di dalam bidang pekerjaan teknikal bagi sektor pembuatan di Semenanjung Malaysia. Antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diguna pakai dalam kajian ini adalah aspirasi kerjaya wanita oleh Gregor dan O'Brien (2015) kepuasan pekerjaan oleh (Ravichandran, Soundara Rajan, & Bala, 2015; Zahayu, Masnita, & Nurul Hanis, 2014; Zafir & Durrishah, 2009; Zainal Shahrir, 2012; Muhammad Imran, Raja Ahmed, Saeed, Imran, & Khalid, 2012; Jenkins, Winefield, dan Sarris, 2011; Devonish, 2013; & Karatuna, 2015) dan perkembangan kerjaya wanita oleh (Delery dan Doty, 1996; Muhammad Imran, Raja Ahmed, Saeed, Imran, & Khalid, 2012; Zainal Shahrir, 2012; & Mohammed Inuwa, 2015).

Berdasarkan rujukan kajian-kajian lepas yang dikemukakan, dapat dikenal pasti bahawa perkembangan dan cabaran wanita di dalam bidang pekerjaan teknikal bagi sektor pembuatan di Semenanjung Malaysia adalah daripada aspirasi kerjaya wanita iaitu aspirasi kepimpinan, aspirasi pencapaian dan aspirasi pendidikan. Seterusnya kepuasan pekerjaan terdiri daripada persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli. Manakala bagi perkembangan kerjaya wanita pula terdiri daripada peluang pembangunan kerjaya, sokongan pihak syarikat, jaminan kerja dan prestasi kerja. Oleh itu, penyelidik menetapkan pemboleh ubah bebas dan juga pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini seperti Rajah 1.1.



Pemboleh Ubah Bebas

Pemboleh Ubah Bersandar



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat memberikan manfaat dan juga kebaikan kepada beberapa pihak iaitu:

- a. Memberi persediaan kepada pekerja wanita khususnya di dalam bidang pekerjaan teknikal dari segi semua aspek aspirasi kerjaya, kepuasan pekerjaan dan perkembangan kerjaya mereka pada masa hadapan.
- b. Membantu pihak industri terutamanya industri pembuatan di Malaysia bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pekerja wanita di tempat kerja.
- c. Membantu negara dalam menyediakan sumber kerja iaitu tenaga manusia yang berkemahiran tinggi di dalam bidang teknikal serta mampu berdaya saing dengan industri di luar negara.
- d. Membantu meningkatkan pendapatan negara dalam menyumbang kepada KDNK negara dengan adanya sumber daripada industri pembuatan ini. Hal ini seiring dengan wujudnya kerjasama serantau dengan negara luar bagi mengembangkan lagi pasaran industri pembuatan negara Malaysia ke luar negara.
- e. Menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan wanita untuk bekerja di industri pembuatan. Dengan adanya peluang pekerjaan yang lebih besar kepada golongan wanita ini, maka taraf hidup rakyat terus meningkat dengan pendapatan per kapita yang lebih tinggi.





1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada golongan wanita yang bekerja dalam bidang teknikal di sektor pembuatan di Semenanjung Malaysia. Komponen utama kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada aspirasi kerjaya wanita yang meliputi aspek kepimpinan, pencapaian dan pendidikan. Seterusnya bahagian kedua melibatkan kepuasan pekerjaan yang terdiri daripada persekitaran kerja, kenaikan pangkat, gaji, tekanan kerja, ganjaran, beban kerja, waktu kerja dan buli. Manakala bahagian terakhir merupakan perkembangan kerjaya wanita yang terdiri daripada peluang pembangunan kerjaya, sokongan pihak syarikat, jaminan kerja dan prestasi kerja.



1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah merupakan limitasi atau kekangan yang dihadapi oleh penyelidik dalam melaksanakan sebuah kajian. Malaysia terdiri daripada pelbagai sektor industri yang menyumbang kepada ekonomi negara. Antaranya ialah sektor perkhidmatan, sektor pembuatan, sektor pertanian asas, sektor pembinaan serta sektor perlombongan dan pengkuarian. Oleh kerana jumlah populasi yang sangat besar dalam kalangan industri bagi setiap sektor ini, penyelidik memilih untuk menjalankan kajian ini terhadap industri di dalam sektor pembuatan sahaja. Penyelidik juga hanya membincangkan penglibatan golongan wanita yang bekerja di bahagian teknikal sahaja. Ia lebih tertumpu kepada golongan wanita yang mempunyai kelulusan dalam bidang teknikal.



1.11 Definisi Operasional

Berikut adalah merupakan definisi bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat di dalam kajian ini:

1.11.1 Aspirasi Kerjaya Wanita

Menurut Gregor dan O'Brien (2015) aspirasi kerjaya bagi wanita bekerja terdiri daripada tiga elemen iaitu aspirasi pencapaian, aspirasi kepimpinan dan aspirasi pendidikan. Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada aspirasi kerjaya dalam kalangan wanita yang terdiri daripada tiga elemen tersebut.

1.11.2 Persekitaran Kerja

Menurut Sedarmayanti (2003) persekitaran kerja yang baik adalah merupakan keadaan di mana seseorang individu itu dapat melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik, selamat, sihat dan dalam keadaan yang selamat. Bagi kajian yang dijalankan ini, persekitaran kerja yang dilihat adalah dari segi persekitaran yang selamat di tempat kerja bagi golongan pekerja wanita.



1.11.3 Gaji

Menurut Martocchio (2013) gaji atau pampasan terdiri daripada faktor ganjaran intrinsik dan juga ekstrinsik hasil daripada kerja yang telah dilakukan oleh pekerja itu. Bagi kajian ini, penyelidik melihat kepada kaedah pembayaran gaji yang dilakukan oleh pihak syarikat sama ada dilakukan secara adil atau sebaliknya.

1.11.4 Tekanan Kerja

Menurut Amran, Abdul Razak, dan Wirda (2013) tekanan kerja dapat ditakrifkan sebagai satu tingkah laku fizikal dan emosi yang berbahaya terhadap pekerjaan kerana persekitaran kerja tersebut tidak sesuai dengan kebolehan pekerja. Manakala menurut Tam (2011) tekanan kerja merujuk kepada tekanan yang dihadapi oleh seseorang individu untuk menyesuaikan diri mereka terhadap tuntutan persekitaran. Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada masalah yang dihadapi oleh golongan wanita yang bekerja di tempat kerja tersebut.

1.11.5 Ganjaran

Ganjaran ditakrifkan sebagai bayaran, pampasan, saraan atau pengurusan gaji serta upah. Kesemua istilah ini sering digunakan di dalam organisasi bahkan ia bertukar ganti mengikut setiap organisasi tetapi ia masih membawa maksud yang sama (Azman, Mihammad, Aimi, Hasan Al Banna, & Rashidi, 2014). Bagi kajian ini,



penyelidik memfokuskan kepada kaedah pemberian ganjaran yang dilaksanakan oleh pihak syarikat kepada pekerja wanita.

1.11.6 Beban Kerja

Menurut Muhammad Imran, Raja Ahmed, Saeed, Imran, dan Khalid (2012) beban kerja merujuk kepada sejumlah kerja yang harus dilakukan atau diselesaikan oleh pekerja. Bagi kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada kaedah pemberian tugas kepada golongan wanita di tempat kerja.

1.11.7 Buli

Kegiatan buli di tempat kerja adalah merupakan suatu gejala atau sikap negatif yang memaksa sasaran atau mangsa buli berada dalam keadaan tidak selamat untuk membela diri mereka daripada gangguan yang memudaratkan mereka (Einarsen, Hoel, Zapf, & Cooper, 2011). Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada gangguan-gangguan yang diterima oleh pekerja wanita di tempat kerja.

1.11.8 Peluang Pembangunan Kerjaya

Peluang pembangunan kerjaya adalah membawa maksud perancangan kerjaya bagi seseorang individu dalam mengenalpasti matlamat utama pekerja dalam menentukan



apa yang ingin dicapai berdasarkan matlamat tersebut (Norhani & Yoong, 2009). Bagi kajian yang dijalankan ini, penyelidik memfokuskan kepada hala tuju peluang bagi pekerja wanita di dalam kerjayanya.

1.11.9 Sokongan Pihak Syarikat

Sokongan pihak syarikat bermaksud usaha dan strategi yang dilaksanakan oleh pihak majikan dalam menyediakan peluang-peluang yang dapat membangunkan kerjaya pekerja di dalam sesebuah organisasi. Antara contoh sokongan pihak syarikat ialah dengan pemberian insentif, latihan serta pembangunan kerjaya, menyediakan suasana tempat kerja yang selesa dan kondusif (Marhaini & Nur Liza, 2017). Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada sokongan yang diberikan oleh pihak syarikat kepada pekerja wanita yang memberi sumbangan kepada syarikat tersebut.

1.11.10 Jaminan Kerja

Menurut Adebayo dan Lucky (2012) jaminan kerja merujuk kepada seseorang individu itu mengambil berat mengenai kemungkinan dan kebarangkalian seseorang itu untuk terus bekerja. Bagi kajian yang dijalankan ini, penyelidik memfokuskan kepada jaminan yang diberikan oleh pihak syarikat kepada pekerja wanita di tempat kerja tersebut.





1.11.11 Prestasi Kerja

Prestasi kerja membawa maksud satu proses dimana pihak pengurusan bertanggungjawab dalam memastikan setiap aktiviti dan juga produktiviti pekerja adalah selari dengan matlamat organisasi atau syarikat (Neol, 2009). Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada prestasi kerja yang ditunjukkan oleh pekerja wanita di tempat kerja tersebut.

1.12 Rumusan

Kesimpulannya, bahagian ini menerangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian dan definisi operational. Secara keseluruhannya, bahagian ini memberi gambaran kepada pembaca berkaitan kajian yang dijalankan iaitu mengenai tahap aspirasi kerjaya wanita, tahap kepuasan pekerjaan dan tahap perkembangan kerjaya wanita di dalam pekerjaan teknikal bagi sektor pembuatan di Semenanjung Malaysia. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara aspirasi kerjaya wanita dengan perkembangan kerjaya wanita di dalam sektor pembuatan. Kajian ini juga mengkaji pengaruh antara aspirasi kerjaya wanita terhadap perkembangan kerjaya wanita. Seterusnya, kajian ini mengkaji hubungan antara kepuasan pekerjaan dengan perkembangan kerjaya wanita. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pengaruh antara kepuasan pekerjaan dengan perkembangan kerjaya wanita di dalam sektor pembuatan di Semenanjung Malaysia.

